



## UniSZA kian bernafsu

**TIGA** pemain UiTM Pahang mengejar pemain MMU, P Hareh (dua dari kiri).

**Kuala Lumpur:** Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) mempamer kesungguhan mereka sebagai pencaibar sebenar saingan Divisyen Dua bola sepak Liga Institusi Pengajian Tinggi - Liga IPT 2014 - apabila melakar kemenangan kelima berturut-turut selepas memenangi Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) 3-0, kelmarin.

Sabtu lalu, pasukan dari

Kuala Terengganu ini turut menang selesa di tempat sendiri apabila mengatasi Universiti Tun Hussein Onn (UTHM) 3-1 untuk menduduki tangga kedua di belakang Universiti Multimedia (MMU) yang menang tipis 1-0 ketika berkunjung ke UiTM Pahang.

Bagaimanapun MMU bermain enam perlawanan berbanding UniSZA, lima. Perjumpaan pada 12 April lalu

menyaksikan pasukan dari Cyberjaya itu tewas 0-1. Kedua-dua pasukan mengumpul 15 mata dan hanya dipisahkan dengan kelebihan jaringan.

Mereka akan bertemu lagi pada pusingan kedua di Kuala Terengganu pada 24 Mei ini yang disifatkan 'aksi penentu' siapa bakal muncul juara. Dua pasukan teratas akan beraksi dalam Divisyen Satu musim 2015.

HARLAN METRO 24/4/14